

BAB EMPAT

BAB 4

MENGUMPUL DATA DAN MENGANALISA

4.0 Pengenalan

Dalam bab ini, penulis akan menganalisa segala maklumat yang telah dikumpul melalui kajian lapangan, di mana maklum balas yang diperolehi daripada guru-guru bahasa Arab melalui soal selidik, ujian kemahiran menulis kepada lima puluh orang pelajar tingkatan satu dan analisa soalan-soalan kemahiran menulis yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu.

4.1 Analisa Soal Selidik

Dalam bab ini, penulis ingin membuat analisa hasil daripada dapatan soal selidik yang telah dikemukakan kepada sepuluh orang guru bahasa Arab yang mengajar Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu.

Soalan-soalan kaji selidik telah digubal dan ianya berkaitan dengan perkara-perkara seperti dalam jadual 4.1:

JADUAL 4.1

BENTUK SOALAN SOAL SELIDIK

Bahagian	No.	Perkara
A	1	Latar belakang guru.
B	2	Kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis.
C	3	Buku Teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu.
D	4	Maklumat pelajar.

Penulis telah menjalankan soal selidik ke atas sepuluh orang guru yang mengajar Bahasa Arab Komunikasi di tingkatan satu. Guru-guru yang dipilih ialah dari empat buah sekolah di Malaysia iaitu dua buah di negeri Melaka dan dua buah lagi di negeri Selangor. Sekolah-sekolah tersebut ialah SMK(A) Sultan Muhammad Batu Berendam Melaka, SMK(A) Sharifah Rodziah Telok Mas Melaka, SMK Sungai Pusu Km 11 Jalan Gombak dan SMK Gombak Setia Selangor.

Hanya guru-guru bahasa Arab yang mengajar Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu dipilih bertujuan untuk mendapat maklumat yang lengkap berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya dalam kemahiran menulis di kalangan pelajar-pelajar tingkatan satu. Ini kerana mereka banyak terlibat secara langsung

dengan pelajar-pelajar tersebut dan segala maklumat yang diperolehi daripada soal selidik itu akan dapat membantu penulis dalam menyiapkan kajian ini. Penulis telah membina soalan-soalan soal selidik yang berkaitan dengan kemahiran menulis dan ianya dibahagikan kepada tiga bahagian seperti dalam jadual 4.2 di bawah:

JADUAL 4.2

BENTUK SOALAN SOAL SELIDIK (KEMAHIRAN MENULIS)

Bahagian	No.	Perkara	Jumlah
B	2	Kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis. Cadangan untuk mempertingkatkan kemahiran menulis.	09 soalan 05 soalan
C	3	Buku Teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu. Cadangan mempertingkatkan bentuk kemahiran menulis.	08 soalan 06 soalan
D	4	Maklumat pelajar; 4.1 kemampuan pelajar. 4.2 kelemahan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam kemahiran menulis. 4.3 Aktiviti kemahiran menulis yang paling diminati oleh pelajar. Cadangan membantu pelajar dalam kemahiran menulis.	07 soalan 05 soalan 11 soalan 05 soalan

Penulis telah merangka bentuk-bentuk soalan kaji selidik ini untuk mencungkil maklumat tentang kemahiran menulis. Bahagian A dirangka untuk mengetahui tentang latar belakang guru bahasa Arab.

Dalam bahagian B, penulis ingin mendapat maklumat secara terperinci mengenai kaedah pengajaran bahasa Arab terutama dalam kemahiran menulis yang telah dijalankan oleh guru-guru tersebut. Segala maklumat yang diberikan dianalisis bagi mengenal pasti masalah dan seterusnya membantu untuk meningkatkan lagi kemahiran menulis di kalangan pelajar-pelajar.

Manakala dalam bahagian C, penulis mengemukakan beberapa soalan mengenai keberkesanan buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu untuk mengetahui sama ada ianya memenuhi keperluan untuk meningkatkan kemahiran menulis.

Begitu juga dengan bahagian D, soalan-soalan dibina untuk mendapat maklumat mengenai pelajar tentang kemampuan mereka, kelemahan yang sering dilakukan oleh mereka dalam kemahiran menulis dan mendapatkan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti kemahiran menulis yang paling diminati oleh pelajar. Soalan-soalan ini diajukan kepada guru-guru kerana mereka lebih mengetahui tentang kekuatan dan kelemahan yang ada pada pelajar-pelajar mereka.

4.1.1 Bahagian A – Latar Belakang Guru

Guru memainkan peranan yang penting dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Setiap guru bahasa haruslah mempunyai latar belakang dan kelulusan yang baik dalam bidang tersebut

i. Jantina

Daripada soal selidik yang telah dibuat, penulis mendapati bahawa 70% guru bahasa Arab tersebut adalah terdiri daripada guru perempuan dan 30% lagi adalah guru lelaki. Ini kerana sudah menjadi kebiasaan dalam bidang pendidikan yang mana bidang ini lebih diminati oleh kaum wanita.

ii. Taraf Perkahwinan

Mengenai taraf perkahwinan pula, sebilangan besar iaitu 90% guru-guru tersebut telah berkahwin dan hanya seorang sahaja yang belum berkahwin iaitu sebanyak 10%.

iii. Kelulusan dan Pengkhususan

Kelulusan dan pengkhususan dalam bidang bahasa Arab adalah penting kerana ia berkait rapat dengan minat guru untuk mengajar bahasa tersebut. Daripada empat buah sekolah yang telah dibuat soal selidik

didapati hanya 30% sahaja di kalangan guru tersebut yang mempunyai pengkhususan dalam bidang bahasa Arab. Ini dapat dilihat dalam jadual 4.3 di bawah.

JADUAL 4.3

LATAR BELAKANG KELULUSAN GURU

Bilangan	Nama sekolah	Dalam negeri	Luar negara	Penkhususan bahasa Arab
Sampel 1	SMK(A) Sharifah Rodziah		1	
Sampel 2			1	
Sampel 3		1		1
Sampel 4		1		1
Sampel 5	SMK(A) Sultan Muhammad	1		
Sampel 6		1		
Sampel 7		1		
Sampel 8	SMK Sg Pusu	1		
Sampel 9			1	
Sampel 10	SMK Gombak Setia	1		1
Jumlah		7 orang	3 orang	3 orang
Peratus		70%	30%	30%

Hanya 30% sahaja yang mempunyai pengkhususan dalam bidang bahasa Arab dan mereka terdiri daripada dua orang guru SMK(A)

Sharifah Rodziah dan seorang guru daripada SMK Gombak Setia. Mereka yang mempunyai pengkhususan bahasa Arab tersebut semuanya berkelulusan dalam negeri iaitu dari UKM, UIAM dan KUSZA. Sementara tujuh orang guru lagi atau sebanyak 70 % tidak mempunyai pengkhususan bahasa Arab. Di antara pengkhususan mereka ialah 10% Syariah, 10% Tafsir Hadis, 20% Pendidikan Islam dan Bahasa Arab dan 30% lagi adalah Usuluddin dan Falsafah.

Daripada sepuluh orang guru yang mengajar bahasa Arab di sekolah berkenaan, didapati sebanyak tujuh orang guru atau 70 % berkelulusan dalam negeri iaitu UM, UIAM, UKM dan KUSZA. Mereka terdiri daripada dua orang guru SMK(A) Sharifah Rodziah, tiga orang guru SMK(A) Sultan Muhammad, seorang guru SMK Sungai Pusu dan seorang lagi dari SMK Gombak Setia. Manakala tiga orang guru lagi atau 30 % adalah berkelulusan dari luar negara iaitu Mesir (Universiti Al Azhar) dan mereka adalah terdiri daripada dua orang guru SMK(A) Syarifah Rodziah dan seorang lagi dari SMK Sungai Pusu.

iv. Pengalaman Mengajar

Pengalaman mengajar adalah penting bagi setiap orang guru. Dengan adanya pengalaman yang banyak dalam sesuatu bidang itu akan lebih menyakinkan diri seseorang guru itu sendiri dan terutamanya para pelajar untuk mempelajarinya. Pengalaman yang lepas, dapat membantu

guru untuk memperbaiki mutu pengajarannya agar lebih berkesan dan menarik minat pelajar terutama dalam mata pelajaran bahasa.

Di sini penulis ingin melihat pengalaman mengajar di kalangan guru dan bilangan tahun mereka berkhidmat dalam bidang pendidikan. Ini dapat dilihat melalui jadual di bawah:

JADUAL 4.4

PENGALAMAN MENGAJAR

Bilangan Tahun	SMK(A) Sharifah Rodziah	SMK(A) Sultan Muhammad	SMK Sg Pusu	SMK Gombak Setia	Jumlah	%
1 - 2 Th			1		1	10%
2 - 4 Th	1	2			3	30%
4 - 6 Th			1		1	10%
6 - 8 Th						0%
8- 10 Th				1	1	10%
Lebih 10	3	1			4	40%
Jumlah	4	3	2	1	10	100%

Daripada jadual di atas, didapati hanya seorang guru iaitu sebanyak 10% guru yang baru berkhidmat di antara 1 hingga 2 tahun. Beliau ialah dari SMK Sungai Pusu. Manakala 30% lagi telah berkhidmat selama 2 hingga 4 tahun iaitu dua orang daripada SMK(A) Sultan Muhammad dan

seorang lagi daripada SMK(A) Sharifah Rodziah. Di sini didapati juga sebanyak 10% lagi yang telah berkhidmat di antara 4 hingga 6 tahun iaitu seorang guru daripada SMK Sungai Pusu, dan 10% juga berkhidmat di antara 8 hingga 10 tahun iaitu guru daripada SMK Gombak Setia. Sementara itu terdapat juga guru yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun iaitu sebanyak 40% dan mereka terdiri daripada tiga orang guru SMK(A) Sharifah Rodziah dan seorang lagi daripada SMK(A) Sultan Muhammad. Analisa ini bukanlah menunjukkan pengalaman mengajar bahasa Arab di kalangan guru. Untuk melihat secara terperinci pengalaman mengajar bahasa Arab adalah seperti jadual 4.5 di bawah:

JADUAL 4.5

PENGALAMAN MENGAJAR BAHASA ARAB

Bilangan Tahun	SMK(A) Sharifah Rodziah	SMK(A) Sultan Muhammad	SMK Sg Pusu	SMK Gombak Setia	Jumlah	%
1 - 2 Th		2	2		4	40%
2 - 4 Th	2				2	20%
4 - 6 Th	1				1	10%
6 - 8 Th						0%
8- 10 Th				1	1	10%
Lebih 10	1	1			2	20%
Jumlah	4	3	2	1	10	100%

Daripada sepuluh orang guru yang mengajar bahasa Arab, didapati sebanyak empat orang atau 40% merupakan guru baru yang mempunyai pengalaman tersebut dalam lingkungan 1-2 tahun. Mereka terdiri daripada dua orang guru SMK(A) Sultan Muhammad dan dua orang lagi daripada SMK Sungai Pusu. Terdapat dua orang guru atau 20% yang mempunyai pengalaman mengajar bahasa Arab di antara 2-4 tahun iaitu daripada SMK(A) Sharifah Rodziah. Sementara itu hanya seorang sahaja (10%) daripada SMK(A) Sharifah Rodziah yang berpengalaman di antara 4-6 tahun dan 10% juga di antara 8-10 tahun iaitu seorang guru SMK Gombak Setia. Manakala 20% lagi ialah mereka yang berpengalaman selama lebih sepuluh tahun iaitu seorang guru SMK(A) Sultan Muhammad dan seorang lagi guru SMK(A) Sharifah Rodziah.

v. Minat Mengajar Bahasa Arab

Untuk melahirkan pengajaran yang berkesan, guru memerlukan kefahaman, bukan sahaja mengenai pelajarnya tetapi dalam mata pelajaran yang akan diajar. Guru haruslah mempunyai minat yang mendalam terhadap mata pelajaran yang diajarnya, di mana sekiranya mereka tidak berminat dan tidak mempunyai semangat langsung mengenai mata pelajaran yang diajarnya, tidak mungkin akan melahirkan minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut.

Di sini penulis melampirkan analisa sejauh mana minat guru terhadap mata pelajaran bahasa Arab seperti di jadual 4.6.

JADUAL 4.6
MINAT MENGAJAR BAHASA ARAB

Kategori	Bil. Guru	Peratus
Sangat minat	7 orang	70%
Berminat	1 orang	10%
Agak minat	1 orang	10%
Kurang minat	1 orang	10%
Tidak minat		0%
Jumlah	10 orang	100%

Daripada analisa tersebut, kebanyakan guru iaitu seramai tujuh orang atau 70% yang **sangat minat** mengajar bahasa Arab. Sementara 30% lagi adalah terdiri daripada 10% yang hanya **berminat**, 10% **agak minat** dan 10% lagi **kurang minat** mengajar bahasa Arab.

Hasil daripada soal selidik yang telah dibuat, didapati 10% yang hanya berminat mengajar bahasa Arab tersebut kerana beliau tidak mempunyai pengkhususan bahasa Arab dan berpengalaman mengajar bahasa Arab dalam lingkungan 2 – 4 tahun. Manakala 10% lagi agak minat dan 10% lagi kurang minat mengajar bahasa Arab. Penulis mendapati ada beberapa sebab kenapa mereka berpendapat sedemikian, iaitu;

- i. mereka tidak mempunyai pengkhususan dalam Bahasa Arab dan kedua-duanya mempunyai pengkhususan Usuluddin.

- ii. mereka juga berkelulusan dalam negeri sahaja. Mereka tidak pernah terdedah kepada penggunaan bahasa dan budaya Arab kerana bahasa dan budaya amat berkait rapat. Oleh itu bagi mereka yang pernah menuntut di luar negara, sememangnya mereka pernah merasakan suasana budaya bahasa tersebut. Ini boleh menimbulkan minat yang lebih berbanding dengan mereka yang tidak pernah didedahkan kepada budaya bahasa tersebut.

- iii. kedua-dua mereka ini juga adalah guru baru dan hanya mempunyai pengalaman mengajar bahasa Arab dalam lingkungan 1 – 2 tahun sahaja.

vi. Pendedahan Kursus

Mengajar ialah pekerjaan yang melibatkan intelek dan tindakan. Dengan itu, guru haruslah sentiasa belajar, berfikir, merancang dan menilai semua perkara yang berhubung dengan pekerjaannya. (Sharifah Alwiah Al Sagoff, 1984:6)

Salah satu cara untuk guru mempelajari dan terus menambahkan pengetahuannya ialah dengan menghadiri kursus-kursus yang berkaitan dengan bidangnya. Dengan ini, seseorang guru akan lebih kreatif dan dapat menggunakan pelbagai teknik dalam pengajaran dan pembelajaran.

Di sini penulis telah menganalisa tentang kekerapan guru menghadiri kursus.

JADUAL 4.7

PENDEDAHAN KURSUS BAHASA ARAB

Kekerapan	Bil. Guru	Peratus
Amat kerap	1 orang	10%
Kerap	2 orang	20%
Kadang-kadang	3 orang	30%
Tidak pernah	4 orang	40%
Jumlah	10 orang	100%

Dilihat kepada analisa di atas, didapati hanya seorang guru sahaja iaitu 10% yang amat kerap mengikuti kursus. Terdapat juga dua orang guru (20%) yang kerap mengikuti kursus dan 30% lagi iaitu seramai tiga orang guru yang kadang-kadang mengikuti kursus. Di samping itu terdapat juga seramai empat orang guru iaitu 40% yang tidak pernah mengikuti kursus bahasa Arab. Penulis mendapati mereka ini merupakan guru baru dan berpengalaman mengajar bahasa Arab dalam lingkungan 1 – 2 tahun sahaja.

4.1.2 Bahagian B : Kaedah Pengajaran Bahasa Arab
(Latihan Kemahiran Menulis)

Di dalam bahagian B ini, penulis telah mengemukakan soalan-soalan kepada para guru untuk mendapat maklumat tentang kaedah pengajaran bahasa Arab terutama di dalam kemahiran menulis yang telah dijalankan oleh mereka. Segala maklumat yang diberi oleh responden telah dianalisa seperti berikut;

JADUAL 4.8
KAEDAH PENGAJARAN BAHASA ARAB
(LATIHAN KEMAHIRAN MENULIS)

Bil	Butiran	Amat kerap	Kerap	Kadang-kadang	Tidak pernah
1.	Aktiviti-aktiviti kemahiran menulis dalam bahasa Arab yang dijalankan:				
	a. Pra penulisan, contohnya: mencantum titik menjadi huruf		1 10%	5 50%	4 40%
	b. Al-Imla' الإملاء المنظور / المنقول الاختباري		3 30%	7 70%	
	c. Khat		2 20%	6 60%	2 20%
	d. Menyusun huruf-huruf menjadi perkataan	1 10%	6 60%	2 20%	1 10%
	e. Menyusun perkataan menjadi ayat yang lengkap	3 30%	5 50%	2 20%	

JADUAL 4.8 (Sambungan)

Bil	Butiran	Amat kerap		Kerap		Kadang-kadang		Tidak pernah	
	f. Mengisi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai	4	40%	4	40%	2	20%		
	g. Latihan berbentuk esei (karangan berpandu)	1	10%	3	30%	6	60%		
	h. Permainan bahasa:								
	a. Teka silang kata			2	20%	6	60%	4	40%
	b. Mencari perkataan tersembunyi	2	20%	3	30%	6	60%	4	40%
	c. Teka kata berdasarkan gambar dan huruf					8	80%		
	d. Suaikan perkataan dengan gambar					5	50%		
2.	Bentuk-bentuk soalan latihan yang pernah dijalankan								
	a. soalan-soalan latihan kemahiran menulis dalam buku teks.	3	30%	6	60%	1	10%		
	b. soalan-soalan daripada buku luar/ tambahan	2	20%	6	60%	2	20%		
	c. soalan-soalan yang dibina sendiri oleh guru	2	20%	5	50%	3	30%		
3.	Membekalkan pelajar dengan soalan-soalan latihan kemahiran menulis di rumah	4	40%	4	40%	1	10%	1	10%
4.	Menggunakan bahan bantu mengajar dalam pengajaran			4	40%	6	60%		
5.	Menggabung/jalinkan kemahiran menulis dengan kemahiran-kemahiran lain semasa pengajaran			7	70%	3	30%		
6.	Mengadakan ujian untuk menguji kemahiran menulis	1	10%	5	50%	4	40%		

JADUAL 4.8 (Sambungan)

Bil	Butiran	Amat kerap		Kerap		Kadang-kadang	Tidak pernah
7.	Soalan-soalan latihan yang dibuat diperiksa atau disemak .	5	50%	5	50%		
8.	Mengadakan sesi perbincangan dengan pelajar berkaitan dengan masalah dalam kemahiran ini.	2	20%	4	40%	4	40%
9.	Memotivasiikan pelajar agar mereka sentiasa berminat dan bersungguh-sungguh untuk mem-pelajari bahasa Arab.	6	60%	2	20%	2	20%

Berdasarkan jadual di atas, terdapat beberapa aktiviti kemahiran menulis dalam bahasa Arab yang telah dijalankan. Di sini didapati ada di kalangan guru-guru yang **tidak pernah** menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut seperti latihan pra penulisan (mencantum titik menjadi huruf) iaitu sebanyak 40%, latihan khat 20%, menyusun huruf-huruf menjadi perkataan 10%, teka silangkata 40% dan mencari perkataan tersembunyi 40%.

Dalam aktiviti pra penulisan terdapat hanya seorang guru sahaja yang **kerap** menjalankannya iaitu 10% dan lima orang (50%) kadang-kadang menjalankannya. Manakala latihan al imla' seramai tiga orang guru (30%) yang kerap dan tujuh orang lagi (70%) hanya kadang-kadang menjalankannya. Sementara latihan khat pula, 20% guru kerap dan 60% lagi kadang-kadang menjalankannya. Bagi latihan menyusun huruf-huruf

menjadi perkataan, hanya seorang guru sahaja (10%) yang amat kerap menjalankannya, enam orang lagi (60%) kerap dan 20% kadang-kadang.

Di samping itu, terdapat empat orang guru (40%) yang amat kerap menjalankan aktiviti latihan mengisi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai, 40% juga kerap menjalankannya dan 20% lagi kadang-kadang menjalankan aktiviti tersebut. Dalam latihan berbentuk esei (karangan berpandu) hanya seorang guru (10%) sahaja yang amat kerap menjalankannya, manakala 30% kerap dan 60% lagi kadang-kadang menjalankannya.

Apabila melihat kepada latihan yang berbentuk permainan bahasa seperti teka silang kata dan mencari perkataan tersembunyi, didapati masing-masing guru hanya kadang-kadang menjalankannya iaitu sebanyak 60% dan ada juga yang tidak pernah membuat latihan ini sebanyak 40%.

Bagi latihan teka kata berdasarkan gambar dan huruf pula hanya dua orang guru (20%) yang kerap membuatnya dan lapan orang lagi (80%) kadang-kadang menjalankannya. Manakala latihan menyesuaikan perkataan dengan gambar, didapati ada dua orang guru (20%) amat kerap menjalankannya, 30% kerap dan 50% lagi kadang-kadang menjalankannya. Sementara latihan berbentuk menulis perkataan seerti dan berlawanan pula, seramai tiga orang guru (30%) amat kerap, empat orang (40%) kerap dan tiga orang lagi (30%) kadang-kadang menjalankannya.

Sebagai kesimpulannya penulis mendapati guru-guru kurang menitikberatkan tentang latihan berbentuk permainan bahasa, sedangkan aktiviti kemahiran menulis akan lebih menyeronokkan dan menarik minat pelajar sekiranya dibuat dalam bentuk permainan bahasa. Ini juga sebagai langkah untuk tidak menjemu pelajar dan mereka akan belajar secara tidak langsung.

Dalam latihan imla' dan khat juga didapati sebilangan besar guru hanya kadang-kadang sahaja membuat latihan ini, sedangkan ianya tidak boleh dipandang ringan oleh guru-guru kerana latihan ini banyak membantu pelajar dalam memantapkan lagi kemahiran menulis. Terdapat juga sebilangan besar di kalangan guru yang kadang-kadang membuat latihan eseai (karangan berpandu) iaitu sebanyak 60%. Ini berkemungkinan kerana pelajar tingkatan satu belum mahir untuk membuat karangan, tetapi ia boleh dilatih dengan membuat ayat-ayat pendek atau secara berpandu sama ada dengan gambar atau perkataan.

Penulis juga mencungkil maklumat mengenai bentuk-bentuk soalan latihan yang pernah dijalankan oleh guru. Di antaranya ialah soalan-soalan latihan kemahiran menulis diambil daripada buku teks, didapati sebanyak 30% guru yang amat kerap, 60% kerap dan 10% lagi kadang-kadang. Manakala soalan-soalan diambil daripada buku luar atau tambahan seramai dua orang guru (20%) amat kerap, 60% kerap dan 20% lagi kadang-kadang. Di samping itu terdapat juga guru yang membina sendiri soalan seramai dua orang (20%) amat kerap, 50% kerap dan 30% kadang-kadang.

Untuk memantapkan lagi kaedah pengajaran kemahiran menulis, penulis telah menyediakan beberapa soalan lain seperti membekalkan pelajar dengan soalan latihan kemahiran menulis di rumah, di sini didapati ada 10% guru yang tidak pernah membekalkan kerja rumah, 40% amat kerap, 40% guru kerap dan 10% lagi kadang-kadang. Dari segi penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) terdapat 40% guru kerap dan 60% lagi kadang-kadang menggunakanannya. Manakala dari aspek menggabungjalinkan antara kemahiran, terdapat 70% guru yang kerap dan 30% lagi kadang-kadang menjalankannya semasa pengajaran.

Di samping itu, terdapat seorang guru (10%) yang amat kerap mengadakan ujian kemahiran menulis, 50% guru kerap dan 40% lagi kadang-kadang. Dari sudut penyemakan latihan yang telah dibuat, didapati sebanyak 50% guru amat kerap menyemak dan memeriksa latihan yang dibuat oleh pelajar, sementara 50% lagi kerap.

Dari aspek lain pula iaitu mengadakan sesi perbincangan dengan pelajar berkaitan dengan masalah dalam kemahiran ini, sebanyak 20% guru amat kerap, 40% guru kerap dan 40% lagi kadang-kadang. Manakala dalam memberi motivasi kepada pelajar, didapati 60% guru amat kerap, 20% guru kerap dan 20% lagi kadang-kadang.

4.1.2.1 Cadangan guru

Dapatan daripada soal selidik yang telah dijalankan oleh penulis, terdapat beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh responden untuk mempertingkatkan lagi kaedah pengajaran bahasa Arab yang berkaitan dengan kemahiran menulis.

Guru-guru telah mencadangkan agar memperbanyakkan latihan mendengar, menyebut dan menulis dengan betul. Ini bertujuan untuk memahirkan pelajar dalam kemahiran tersebut. Pelajar-pelajar juga hendaklah dibiasakan dengan ejaan yang betul dan tepat untuk mengelak daripada berlakunya kesilapan dalam ejaan dan tulisan.

Di samping itu juga, guru-guru hendaklah sentiasa memberi penekanan kepada pelajar tentang kemahiran menulis seperti latihan imla' dan khat (seni kaligrafi Arab). Bagi setiap kesalahan dalam penulisan itu, pelajar-pelajar akan dikenakan denda seperti menulis berulang-ulang kali perkataan yang salah.

Bagi mempertingkatkan lagi kaedah pengajaran bahasa Arab, guru-guru hendaklah didedahkan kepada kursus yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Sebagai contoh ialah kursus pembinaan Bahan Bantu Mengajar (BBM).

Daripada cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh responden-responden itu, penulis merasakan ianya amat perlu dilaksanakan dengan segera. Ini bertujuan untuk mempertingkatkan lagi kaedah pengajaran bahasa Arab agar ianya lebih menarik dan berkesan

kepada pelajar khususnya. Bagi pendedahan kursus pembinaan BBM amat perlu kerana pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan BBM itu akan nampak lebih menarik dan menyeronokkan serta objektif yang ingin dicapai akan mudah tercapai. Bahan Bantu Mengajar Bahasa Arab juga kurang didapati berbanding dengan mata pelajaran lain.

Sebagai kesimpulannya, kaedah pengajaran dan pembelajaran ini mestilah dipelbagaikan agar dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab seterusnya akan dapat meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam pelajaran mereka. Guru-guru juga harus memainkan peranan penting dalam memotivasi pelajar ke arah tujuan tersebut.

4.1.3 Bahagian C : Buku Teks al 'Arabiyyah al Ittisaliyyah Tingkatan Satu

Penggunaan buku teks telah menjadi amalan biasa bagi setengah-setengah guru. Perbuatan terlalu bergantung kepada buku teks kadangkala boleh menjaskan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana buku teks juga mempunyai kelemahan-kelebihannya yang tersendiri.
(Kamarudin Hj. Husin, 1998:312)

Di bahagian ini, penulis telah meminta pandangan dan pendapat guru tentang buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu dan kebanyakan guru menilai dengan kadar **memuaskan** seperti jadual 4.9.

JADUAL 4.9

PANDANGAN GURU TERHADAP BUKU TEKS

AL ‘ARABIYYAH AL ITTISALIYYAH TINGKATAN SATU

Bil	Butiran	Amat memuaskan	Memuaskan		Kurang memuaskan		Tidak memuaskan	
1.	Buku teks yang digunakan menarik berbanding dengan buku teks lain		7	70%	1	10%	2	20%
2.	Soalan latihan kemahiran menulis mencukupi		6	60%	2	20%	2	20%
3.	Soalan latihan pra penulisan mencukupi		5	50%	3	30%	2	20%
4.	Buku teks dapat menambahkan kemahiran menulis kepada pelajar		6	60%	4	40%		
5.	Kesesuaian isi pelajaran dengan tahap pelajar		7	70%	1	10%	2	20%
6.	Soalan latihan kemahiran menulis sesuai dengan tahap pelajar		7	70%	1	10%	2	20%
7.	Soalan latihan berbentuk eseи (karangan berpandu) mencukupi		1	10%	7	70%	2	20%
8 .	Terdapat kepelbagai bentuk soalan latihan menulis dalam buku teks		2	20%	6	60%	2	20%

Merujuk kepada jadual 4.9, didapati sebanyak 70% guru yang menilai buku teks bahasa Arab ini menarik berbanding dengan buku-buku teks lain dengan kadar memuaskan, 10% menilai dengan kadar kurang memuaskan dan 20% lagi tidak memuaskan.

Bagi soalan kedua iaitu soalan latihan kemahiran menulis mencukupi, didapati sebanyak 60% guru menilai dengan kadar memuaskan dan 20% kurang memuaskan, seterusnya 20% lagi tidak memuaskan.

50% guru pula telah menilai soalan latihan pra penulisan mencukupi dengan kadar memuaskan, 30% kurang memuaskan dan 20% lagi menilai dengan kadar tidak memuaskan. Manakala tentang sejauh mana buku teks dapat menambahkan kemahiran menulis kepada pelajar, didapati sebanyak 60% guru yang menilai dengan kadar memuaskan dan 40% lagi menilai dengan kadar kurang memuaskan. Sementara itu tentang kesesuaian isi pelajaran dengan tahap pelajar dan soalan latihan kemahiran menulis sesuai dengan tahap pelajar, kebanyakan guru iaitu 70% menilai dengan kadar memuaskan, 10% kurang memuaskan dan 20% lagi tidak memuaskan.

Dalam aspek lain pula iaitu soalan latihan berbentuk esei mencukupi atau tidak, kebanyakan guru 70% menilai dengan kadar kurang memuaskan, 20% tidak memuaskan dan hanya 10% guru menilai dengan kadar memuaskan.

Bagi soalan lapan pula, tentang kepelbagaian bentuk latihan kemahiran menulis dalam buku teks, sebanyak 60% guru menilai dengan kadar kurang memuaskan, 20% memuaskan dan 20% lagi tidak memuaskan.

Pada keseluruhannya, sebanyak 20% guru menilai bagi setiap butiran yang dikemukakan oleh penulis tentang buku teks dengan kadar tidak memuaskan. Di sini juga tidak terdapat seorang guru pun yang menilai buku teks dengan kadar amat memuaskan, di mana keseluruhannya menilai dengan kadar memuaskan, kurang memuaskan dan tidak memuaskan.

4.1.3.1 Cadangan guru

Hasil daripada soal selidik mengenai buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu, terdapat beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh guru-guru untuk mempertingkatkan lagi mutu buku teks dan bentuk kemahiran menulis di dalamnya.

Guru-guru telah mencadangkan agar persembahan bentuk latihan atau aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalamnya dipelbagaikan agar ia boleh meningkatkan motivasi dan seterusnya menarik minat pelajar untuk mempelajarinya. Di samping itu juga latihan khat hendaklah dimasukkan ke dalam buku teks ini sebagai latihan menulis kepada pelajar-pelajar tingkatan satu khususnya.

Selain daripada itu, guru-guru juga telah menyarankan agar setiap perkataan hendaklah diberikan, tidak kira sama ada pada teks atau latihan yang diberikan. Ini bertujuan untuk memudahkan pelajar membacanya. Manakala dari segi grafik yang dipersembahkan, hendaklah menggunakan warna yang sesuai dan menambahkan lagi gambar-gambar yang berwarna warni agar buku yang dihasilkan lebih menarik.

Latihan nahu atau qawaид juga tidak terdapat di dalam buku teks ini, jadi guru-guru menyarankan agar latihan ini dibentuk secara ringkas agar pelajar-pelajar dapat menguasainya. Di samping itu juga, setiap soalan-soalan latihan yang dipersembahkan hendaklah lebih menjuruskan kepada bentuk-bentuk soalan peperiksaan. Ini bertujuan untuk membiasakan pelajar dengan bentuk-bentuk soalan peperiksaan.

Penulis merasakan bahawa guru-guru memerlukan sebuah buku teks yang lengkap di mana dapat membekalkan semua keperluan pengajaran dan pembelajaran serta persediaan untuk peperiksaan sekali gus atau dengan kata lain buku teks itu sebagai one-stop-center.

4.1.4 Bahagian D : Pelajar

1 - Kemampuan pelajar .

Untuk memantapkan lagi kajian, penulis telah mencungkil maklumat daripada guru tentang kemampuan pelajar kerana guru adalah orang yang paling dekat dan faham dengan sikap serta kemampuan pelajar

dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa ini. Penulis juga telah menganalisa tentang kemampuan pelajar dalam menguasai bahasa Arab. Di bawah adalah analisa bagi jawapan yang telah diberikan oleh guru-guru tentang kemampuan pelajar.

JADUAL 4.10

1. KEMAMPUAN PELAJAR

Bil	Butiran	Amat baik	Baik	Sederhana	Lemah	Sangat lemah
1.	Minat pelajar dalam mempelajari bahasa Arab.		6 60%	4 40%		
2.	Pengetahuan asas pelajar dalam penulisan jawi		4 40%	5 50%	1 10%	
3.	Tumpuan pelajar terhadap pelajaran.		6 60%	4 40%		
4.	Penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis		2 20%	7 70%	1 10%	
5.	Kesungguhan pelajar dalam membuat latihan Bahasa Arab.		5 50%	5 50%		
6.	Pelajar berkemampuan dalam menulis dengan ejaan atau tulisan yang baik dan betul.		1 10%	8 80%	1 10%	
7.	Pelajar membuat pembetulan bagi setiap kesalahan dalam latihan.		3 30%	7 70%		

Daripada butiran dalam jadual 4.10, didapati guru-guru telah menilai pelajar mereka melalui pemerhatian dan latihan serta ujian-ujian, di mana bagi butiran satu dan tiga ianya dinilai berdasarkan kepada pemerhatian. Manakala butiran dua, empat dan enam dinilai melalui latihan yang diberikan kepada pelajar-pelajar. Melalui latihan penulisan jawi dan kemahiran menulis bahasa Arab yang telah dibuat akan dapat mengetahui tahap penguasaan mereka dalam kemahiran tersebut.

Di samping itu, bagi butiran lima dan tujuh iaitu menilai kesungguhan pelajar dalam membuat latihan serta membuat pembetulan bagi setiap kesalahan, ianya dinilai melalui latihan dan pemerhatian oleh guru tersebut.

Berdasarkan jadual di atas, didapati sebanyak 10% guru yang berpendapat bahawa pelajar lemah dalam beberapa perkara iaitu pengetahuan asas dalam penulisan jawi, penguasaan dalam kemahiran menulis dan kemampuan mereka dalam menulis dengan ejaan atau tulisan yang baik dan betul.

Bagi soalan pertama iaitu minat pelajar dalam mempelajari bahasa Arab, sebanyak 60% guru menilai dengan kadar baik dan 40% lagi minat pelajar di tahap sederhana sahaja. Dalam aspek pengetahuan asas penulisan jawi, didapati 40% guru berpendapat “ baik ” dan 50% lagi sederhana. Manakala terdapat 60% guru menilai pelajar dengan kadar baik dalam memberi tumpuan terhadap pelajaran dan 40% lagi sederhana.

Dalam aspek lain pula iaitu penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis, sebilangan besar guru (70%) menilai pelajar pada tahap sederhana dan 20% lagi menilai dengan kadar baik. Dari segi kesungguhan pelajar dalam membuat latihan bahasa Arab, didapati 50% guru menilai dengan kadar baik dan 50% lagi dengan kadar sederhana.

Di sini juga didapati kebanyakan guru menilai pelajar pada tahap sederhana iaitu sebanyak 80% dalam kemampuan mereka menulis dengan ejaan yang betul dan 70% dalam membuat pembetulan bagi setiap kesalahan dalam latihan. Hanya 10% sahaja guru yang menilai pelajar pada tahap baik mengenai kemampuan pelajar menulis dengan ejaan yang betul serta 30% dalam membuat pembetulan bagi setiap kesalahan dalam latihan.

Pada keseluruhannya, penulis mendapati kemampuan pelajar masih lagi berada pada tahap sederhana, dengan ini bimbingan yang sewajarnya mestilah diberi dan dilakukan oleh semua pihak terutama guru.

2 - Kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar terutama dalam kemahiran menulis.

Penulis juga telah mencungkil maklumat daripada guru tentang beberapa kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam kemahiran

menulis bahasa Arab. Jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden telah dianalisa seperti jadual 4.11.

JADUAL 4.11

2. KESALAHAN YANG SERING DILAKUKAN OLEH PELAJAR DALAM KEMAHIRAN MENULIS

Bil	Butiran	Amat ramai		Ramai		Sederhana		Kurang	
1.	Kesalahan ejaan	2	20%	3	30%	5	50%		
2.	Kesalahan tanda baca	2	20%	1	10%	4	40%	3	30%
3.	Tulisan yang tidak jelas dan kemas			3	30%	4	40%	3	30%
4.	Tulisan yang kotor					4	40%	6	60%
5.	Kelemahan menulis bentuk huruf			2	20%	2	20%	6	60%

Merujuk kepada analisa dalam jadual di atas, didapati sebanyak 20% guru masing-masing menilai pelajar dengan kadar amat ramai dalam melakukan kesalahan ejaan dan tanda baca.

Bagi soalan pertama iaitu kesalahan ejaan, sebanyak 30% guru menilai dengan kadar ramai pelajar melakukan kesalahan ejaan dan 50% lagi sederhana. Sementara itu, 10% guru menilai dengan ramai pelajar melakukan kesalahan tanda baca, 40% sederhana dan 30% lagi kurang melakukan kesalahan tersebut.

Dalam aspek tulisan yang tidak jelas dan kemas, terdapat 30% guru menilai dengan kadar ramai, 40% pada tahap sederhana dan 30% lagi pada tahap kurang. Di samping itu juga, sebanyak 60% guru menilai pelajar pada tahap kurang dalam masalah tulisan mereka iaitu tulisan kotor dan 40% lagi pada tahap sederhana.

Menulis bentuk huruf dengan betul juga merupakan kelemahan pelajar dan didapati di sini hanya 20% guru menilai pelajar dengan kadar ramai, 20% sederhana dan 60% lagi menilai dengan kadar kurang.

Jelaslah di sini bahawa kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis adalah pada tahap sederhana sahaja dan ianya boleh diperbaiki lagi.

3 - Aktiviti kemahiran menulis yang diminati oleh pelajar.

Untuk membolehkan pelajar menguasai kemahiran menulis dengan baik, beberapa aktiviti atau latihan mestilah dijalankan dan dipelbagaikan untuk menarik minat mereka terhadap kemahiran ini. Di sini penulis telah mengenal pasti aktiviti atau latihan kemahiran menulis yang diminati oleh pelajar seperti jadual 4.12.

JADUAL 4.12

**3. AKTIVITI KEMAHIRAN MENULIS YANG DIMINATI
OLEH PELAJAR**

Bil	Butiran	Amat ramai	Ramai	Sederhana	Kurang		
1.	Menulis karangan pendek			9	90%	1	10%
2.	Al-Imla' dan khat		7	70%	2	20%	1
3.	Menulis jawapan bagi soalan kefahaman teks		8	80%	2	20%	
4.	Mengisi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai	2	20%	8	80%		
5.	Menyusun huruf menjadi perkataan yang lengkap	2	20%	6	60%	2	20%
6.	Menyusun perkataan menjadi ayat yang lengkap			8	80%	2	20%
7.	Menulis ayat yang lengkap berpandukan perkataan yang diberi	1	10%	4	40%	5	50%

JADUAL 4.12 (Sambungan)

Bil	Butiran	Amat ramai	Ramai		Sederhana		Kurang	
8.	Memadankan perkataan seerti		7	70%	2	20%	1	10%
9.	Memadankan perkataan berlawanan		7	70%	2	20%	1	10%
10.	Menulis ayat-ayat berdasarkan gambar yang disediakan	1	10%	6	60%	3	30%	
11.	Mengisi silang kata		4	40%	4	40%	2	20%

Merujuk kepada jadual di atas, terdapat sebelas aktiviti atau latihan kemahiran menulis yang boleh dijalankan. Di antara latihan-latihan tersebut, terdapat beberapa latihan yang paling diminati oleh pelajar seperti latihan mengisi tempat kosong dan menyusun huruf menjadi perkataan yang lengkap. Di sini sebanyak 20% guru, masing-masing menilai dengan kadar amat ramai pelajar meminati latihan ini. Sementara itu 10% guru menilai dengan kadar amat ramai juga pelajar meminati latihan menulis ayat yang lengkap berpandukan perkataan yang diberi dan menulis ayat berdasarkan gambar yang disediakan.

Bagi aktiviti pertama iaitu menulis karangan pendek, sebanyak 90% guru menilai pelajar pada tahap sederhana minat dan 10% lagi kurang minat terhadap latihan tersebut. Bagi latihan imla' khat, sebanyak 70% guru menilai pelajar pada tahap ramai, 20% menilai sederhana dan 10% lagi kurang minat.

Di antara latihan yang ramai diminati oleh pelajar ialah menulis jawapan bagi soalan kefahaman teks dan menyusun perkataan menjadi ayat yang lengkap di mana 80% guru, masing-masing menilai dengan tahap ramai dan 20% lagi menilai dengan tahap sederhana.

Manakala latihan mengisi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai, didapati sebanyak 20% guru menilai pelajar dengan kadar amat ramai dan 80% lagi ramai meminati latihan tersebut.

Menyusun huruf menjadi perkataan yang lengkap merupakan latihan yang ramai diminati oleh pelajar di mana sebanyak 60% guru menilai dengan kadar tersebut, 20% guru menilai dengan kadar amat ramai dan 20% lagi minat pelajar pada tahap sederhana terhadap latihan tersebut.

Dalam latihan lain pula iaitu menyusun ayat yang lengkap berpandukan perkataan yang diberi, didapati hanya 10% guru berpendapat amat ramai pelajar meminatinya, 40% ramai dan 50% lagi guru menilai dengan kadar sederhana sahaja pelajar meminati latihan tersebut.

Bagi latihan memadankan perkataan seerti dan berlawanan, terdapat sebanyak 70% guru menilai pelajar ramai minat, 20% guru menilai dengan kadar sederhana dan 10% lagi kurang minat terhadap kedua-dua latihan itu.

Penulis juga telah mengemukakan soalan yang berkaitan dengan membina ayat berdasarkan gambar yang disediakan. Daripada maklum balas yang diperolehi, seorang guru (10%) yang menyatakan amat ramai pelajar yang meminati latihan tersebut, manakala kebanyakan guru iaitu 60% menyatakan ramai pelajar minat dan 30% lagi pada tahap sederhana minat terhadap latihan tersebut.

Sementara itu, latihan berbentuk mengisi silang kata, didapati 40% guru menilai dengan kadar ramai pelajar meminati, 40% juga sederhana minat dan 20% lagi kurang minat terhadap latihan tersebut.

Sebagai kesimpulannya, penulis mendapati masih lagi terdapat beberapa latihan yang kurang diminati oleh pelajar seperti latihan karangan, imla' dan khat, perkataan seerti, perkataan berlawanan dan silang kata.

4.1.4.1 Cadangan guru

Dengan itu, guru-guru telah mengemukakan beberapa cadangan untuk membantu pelajar dalam kemahiran menulis. Di antara cadangan

dan saranan yang dikemukakan oleh guru ialah pelajar-pelajar perlulah diberi pendedahan tentang asas penulisan jawi dan Arab agar kesilapan ejaan dapat dikurangkan. Pelajar-pelajar juga hendaklah sentiasa membuat latihan khat dan pertandingan menulis khat (kaligrafi Arab) diadakan juga untuk menarik minat pelajar menyertainya.

Di samping itu juga, aktiviti berbentuk penulisan hendaklah dipelbagaikan agar bersesuaian dengan teknik pengajaran dan pembelajaran serta kemahiran pelajar. Pelajar-pelajar juga diwajibkan untuk menghafal lebih banyak perbendaharaan kata Arab untuk memudahkan mereka menguasai kemahiran menulis bahasa Arab.

4.2 Analisa Ujian Kemahiran Menulis.

Penulis juga telah menjalankan ujian kemahiran menulis kepada lima puluh (50) orang pelajar tingkatan satu di dua buah sekolah negeri Selangor iaitu SMK Sungai Pusu dan SMK Gombak Setia, Gombak Selangor.

Soalan-soalan yang dirangka ialah berdasarkan soalan daripada buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu dan soalan yang digubal sendiri oleh penulis. Terdapat beberapa set soalan yang telah diuji kepada pelajar-pelajar berkenaan.

Bentuk-bentuk soalan yang telah dirangka ialah seperti berikut:

- i. **Latihan 1** bahagian A ialah latihan mencari perkataan tersembunyi melalui teka silangkata. Latihan ini digubal sendiri oleh penulis berdasarkan perkataan yang telah mereka belajar iaitu mengenai peralatan-peralatan yang ada di persekitaran sekolah. Manakala bahagian B ialah latihan menyesuaikan di antara gambar dengan perkataan. Dan bahagian C pula ialah mengisi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai (yang disediakan) berdasarkan gambar. Kedua-dua latihan ini (B & C) adalah diambil dari buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu muka surat 28-29.

- ii. **Latihan 2**, ada dua bahagian iaitu A dan B. Bahagian A ialah latihan mengisi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai (perkataan tidak diberi) berpandukan gambar. Pelajar-pelajar dikehendaki mencari perkataan sendiri dengan bantuan gambar yang telah disediakan. Latihan ini juga diambil dari buku teks di muka surat 94. Manakala bahagian B pula ialah latihan mengisi tempat kosong juga tetapi dibantu dengan gambar dan beberapa huruf melalui teka kata berdasarkan gambar dan huruf. Latihan ini dibina oleh penulis.

- iii. **Latihan 3** ialah latihan teka silangkata mengenai perkataan seerti dan berlawanan. Latihan ini juga dibina sendiri oleh penulis.
- iv. **Latihan 4** ialah latihan mengeja iaitu al imla'. Penulis telah menjalankan ujian imla' kepada pelajar-pelajar tingkatan satu tersebut. Al imla' yang diuji ialah al imla' al manqūl dan al imla' al ikhtibāri. (lihat lampiran 1)

Bagi setiap latihan yang telah diuji, penulis telah menganalisa markah yang diperolehi oleh pelajar berkenaan. Di bawah adalah analisa bagi setiap latihan yang diberikan. Sampel nombor satu hingga dua puluh lima adalah markah bagi jawapan pelajar dari SMK Sungai Pusu dan sampel nombor dua puluh enam hingga lima puluh ialah markah bagi pelajar SMK Gombak Setia Selangor.

Jadual 4.13 adalah analisa kertas jawapan pelajar dalam latihan 1 bahagian A, B dan C.

JADUAL 4.13

ANALISA KERTAS JAWAPAN PELAJAR

LATIHAN (1) BAHAGIAN A, B & C

Bil	Pelajar	Latihan 1 Bahagian A		Latihan 1 bahagian B		Latihan 1 bahagian C	
		Markah 30	%	Markah 12	%	Markah 12	%
1	Sampel 1	30	100%	8	67%	8	67%
2	Sampel 2	29	97%	6	50%	10	83%

JADUAL 4.13 (Sambungan)

Bil	Pelajar	Latihan 1 Bahagian A		Latihan 1 bahagian B		Latihan 1 bahagian C	
		Markah 30	%	Markah 12	%	Markah 12	%
3	Sampel 3	29	97%	11	92%	12	100%
4	Sampel 4	29	97%	7	58%	11	92%
5	Sampel 5	24	80%	7	58%	12	100%
6	Sampel 6	29	97%	7	58%	7	58%
7	Sampel 7	24	80%	12	100%	8	67%
8	Sampel 8	30	100%	12	100%	12	100%
9	Sampel 9	28	93%	12	100%	12	100%
10	Sampel 10	24	80%	12	100%	11	92%
11	Sampel 11	26	87%	12	100%	10	83%
12	Sampel 12	10	33%	11	92%	2	17%
13	Sampel 13	28	93%	12	100%	12	100%
14	Sampel 14	28	93%	4	33%	4	33%
15	Sampel 15	30	100%	7	58%	12	100%
16	Sampel 16	30	100%	12	100%	12	100%
17	Sampel 17	28	93%	12	100%	12	100%
18	Sampel 18	30	100%	12	100%	8	67%
19	Sampel 19	28	93%	12	100%	12	100%
20	Sampel 20	30	100%	12	100%	7	58%
21	Sampel 21	30	100%	12	100%	11	92%
22	Sampel 22	16	53%	12	100%	12	100%
23	Sampel 23	26	87%	11	92%	12	100%
24	Sampel 24	26	87%	8	67%	12	100%
25	Sampel 25	29	97%	12	100%	12	100%
26	Sampel 26	30	100%	11	92%	12	100%

JADUAL 4.13 (Sambungan)

Bil	Pelajar	Latihan 1 Bahagian A		Latihan 1 bahagian B		Latihan 1 bahagian C	
		Markah 30	%	Markah 12	%	Markah 12	%
27	Sampel 27	29	97%	12	100%	11	92%
28	Sampel 28	30	100%	12	100%	12	100%
29	Sampel 29	30	100%	12	100%	10	83%
30	Sampel 30	30	100%	12	100%	12	100%
31	Sampel 31	30	100%	12	100%	12	100%
32	Sampel 32	28	93%	12	100%	12	100%
33	Sampel 33	30	100%	12	100%	12	100%
34	Sampel 34	28	93%	12	100%	12	100%
35	Sampel 35	24	80%	12	100%	12	100%
36	Sampel 36	30	100%	12	100%	12	100%
37	Sampel 37	30	100%	12	100%	12	100%
38	Sampel 38	30	100%	12	100%	10	83%
39	Sampel 39	28	93%	8	67%	8	67%
40	Sampel 40	26	87%	8	67%	8	67%
41	Sampel 41	26	87%	11	92%	11	92%
42	Sampel 42	23	77%	12	100%	8	67%
43	Sampel 43	29	97%	6	50%	12	100%
44	Sampel 44	26	87%	11	92%	8	67%
45	Sampel 45	28	93%	12	100%	12	100%
46	Sampel 46	24	80%	12	100%	8	67%
47	Sampel 47	27	90%	8	67%	8	67%
48	Sampel 48	28	93%	4	33%	12	100%
49	Sampel 49	26	87%	12	100%	8	67%
50	Sampel 50	20	67%	10	83%	12	100%

Merujuk kepada analisa di atas, bagi **latihan 1 bahagian A (mencari perkataan tersembunyi)**, penulis mendapati daripada lima puluh orang pelajar yang menjalani ujian kemahiran menulis ini, seramai enam belas orang pelajar (32%) yang mendapat markah penuh 100 iaitu markah yang paling tinggi, manakala markah yang paling rendah ialah 33 markah di mana seorang pelajar sahaja (2%) yang memperolehi markah tersebut.

Bagi markah 97 pula, terdapat seramai tujuh orang pelajar (14%) yang memperolehinya dan sepuluh orang pelajar (20%) mendapat markah sebanyak 93 markah. Di samping itu terdapat hanya seorang pelajar (2%) yang memperolehi markah sebanyak 90 markah, manakala tujuh orang lagi (14%) mendapat 87 markah dan 10% iaitu seramai lima orang pelajar yang mendapat 80 markah.

Bagi markah 77, 67 dan 53 pula, masing-masing hanya 2% sahaja iaitu seorang pelajar yang memperolehi markah tersebut. Sebagai kesimpulannya penulis mendapati pelajar dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Dalam **latihan 1 bahagian B (latihan menyesuaikan di antara gambar dengan perkataan)** pula, didapati seramai tiga puluh orang pelajar (60%) yang mendapat 100 markah. Enam orang pelajar (12%) memperolehi sebanyak 92 markah dan seorang pelajar (2%) mendapat 83 markah.

Manakala 10% pelajar iaitu seramai lima orang mendapat markah 67 dan empat orang lagi (8%) mendapat 58 markah. Di samping itu terdapat juga pelajar yang memperolehi markah 50 iaitu seramai dua orang (4%) dan markah yang paling rendah diperolehi oleh pelajar ialah 33 markah iaitu seramai dua orang (4%) sahaja.

Dan latihan 1 bahagian C (mengisi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai (yang disediakan) berdasarkan gambar). pula ialah penulis mendapati seramai dua puluh tujuh orang pelajar (54%) yang mendapat 100 markah, di samping itu terdapat juga seorang pelajar (2%) yang mendapat markah paling rendah iaitu 17 markah sahaja.

Bagi markah 92 pula, seramai lima orang pelajar (10%) yang memperolehinya dan seramai empat orang pelajar (8%) yang mendapat 83 markah. Sebanyak 20% iaitu sepuluh orang pelajar mendapat markah 67, dua orang (4%) pelajar mendapat 58 markah dan seorang pelajar (2%) mendapat 33 markah sahaja.

Sebagai kesimpulannya, penulis mendapati pelajar dapat menjawab soalan-soalan yang diberikan dengan baik.

Untuk melihat analisa kertas jawapan pelajar bagi latihan 2 bahagian A dan B serta latihan 3 adalah seperti dalam jadual di bawah ini:

JADUAL 4.14

**ANALISA KERTAS JAWAPAN PELAJAR.
LATIHAN (2) BAHAGIAN A & B dan LATIHAN 3**

No	Pelajar	Latihan 2 Bahagian A		Latihan 2 Bahagian B		Latihan 3	
		Markah 10	%	Markah 10	%	Markah 30	%
1	Sampel 1	6	60%	10	100%	22	73%
2	Sampel 2	7	70%	10	100%	26	87%
3	Sampel 3	5	50%	7	70%	20	67%
4	Sampel 4	5	50%	8	80%	25	83%
5	Sampel 5	8	80%	10	100%	22	73%
6	Sampel 6	6	60%	8	80%	22	73%
7	Sampel 7	6	60%	4	40%	24	80%
8	Sampel 8	6	60%	9	90%	17	57%
9	Sampel 9	6	60%	7	70%	20	67%
10	Sampel 10	4	40%	8	80%	23	77%
11	Sampel 11	8	80%	10	100%	22	73%
12	Sampel 12	6	60%	3	30%	16	53%
13	Sampel 13	7	70%	10	100%	28	93%
14	Sampel 14	6	60%	8	80%	26	87%
15	Sampel 15	7	70%	9	90%	24	80%
16	Sampel 16	6	60%	10	100%	24	80%
17	Sampel 17	7	70%	9	90%	26	87%
18	Sampel 18	7	70%	9	90%	26	87%
19	Sampel 19	8	80%	8	80%	26	87%
20	Sampel 20	5	50%	7	70%	6	20%
21	Sampel 21	6	60%	10	100%	26	87%
22	Sampel 22	8	80%	7	70%	22	73%
23	Sampel 23	8	80%	7	70%	24	80%
24	Sampel 24	4	40%	7	70%	14	47%
25	Sampel 25	8	80%	9	90%	28	93%

JADUAL 4.14 (Sambungan)

No	Pelajar	Latihan 2 Bahagian A		Latihan 2 Bahagian B		Latihan 3	
		Markah 10	%	Markah 10	%	Markah 30	%
26	Sampel 26	9	90%	10	100%	21	70%
27	Sampel 27	9	90%	10	100%	23	77%
28	Sampel 28	9	90%	10	100%	23	77%
29	Sampel 29	7	70%	10	100%	24	80%
30	Sampel 30	7	70%	10	100%	23	77%
31	Sampel 31	9	90%	10	100%	24	80%
32	Sampel 32	9	90%	10	100%	23	77%
33	Sampel 33	9	90%	10	100%	26	87%
34	Sampel 34	6	60%	7	70%	22	73%
35	Sampel 35	7	70%	9	90%	18	60%
36	Sampel 36	7	70%	9	90%	26	87%
37	Sampel 37	7	70%	10	100%	24	80%
38	Sampel 38	8	80%	10	100%	26	87%
39	Sampel 39	2	20%	4	40%	10	33%
40	Sampel 40	2	20%	6	60%	10	33%
41	Sampel 41	4	40%	6	60%	13	43%
42	Sampel 42	2	20%	8	80%	6	20%
43	Sampel 43	6	60%	8	80%	14	47%
44	Sampel 44	2	20%	7	70%	7	23%
45	Sampel 45	4	40%	10	100%	14	47%
46	Sampel 46	1	10%	6	60%	10	33%
47	Sampel 47	4	40%	4	40%	12	40%
48	Sampel 48	6	60%	7	70%	14	47%
49	Sampel 49	2	20%	7	70%	6	20%
50	Sampel 50	4	40%	9	90%	13	43%

Merujuk kepada analisa di atas, bagi **Latihan 2** ada dua bahagian iaitu A dan B. **Bahagian A ialah latihan mengisi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai (perkataan tidak diberi) berpandukan gambar,** penulis mendapati sebanyak enam orang pelajar (6%) yang memperolehi markah tertinggi iaitu 90 markah dan 14% iaitu tujuh orang pelajar mendapat 80 markah. Bagi markah 70, terdapat sebanyak 20% iaitu seramai sepuluh orang pelajar yang memperolehinya dan seramai dua belas orang (24%) mendapat 60 markah.

Bagi markah 50 pula, terdapat seramai tiga orang sahaja (6%) yang memperolehinya dan 12% (enam orang) pelajar yang mendapat markah 40. di samping itu terdapat juga pelajar yang mendapat markah yang rendah iaitu pada tahap yang lemah di mana seramai lima orang pelajar (10%) yang mendapat markah 20 dan seorang pelajar (2%) mendapat 10 markah sahaja.

Manakala bahagian B pula ialah latihan mengisi tempat kosong juga tetapi dibantu dengan gambar dan beberapa huruf melalui teka kata berdasarkan gambar dan huruf, penulis mendapati daripada lima puluh orang pelajar yang menjalani ujian ini, sebanyak 36% iaitu seramai lapan belas orang pelajar yang memperolehi 100 markah dan 16% lagi (lapan orang) pelajar mendapat 90 markah.

Bagi 80 markah pula, didapati sebanyak 14% iaitu seramai tujuh orang pelajar yang memperolehinya dan 20% (sepuluh orang) pelajar

mendapat 70 markah serta 6% sahaja iaitu seramai tiga orang yang mendapat 60 markah dalam ujian ini.

Penulis juga mendapati ada pelajar yang masih lemah di mana mereka mendapat markah 40 dan 30 sahaja. Di sini terdapat seramai tiga orang pelajar (6%) yang mendapat 40 markah dan seorang lagi (2%) mendapat 30 markah sahaja.

Bagi **Latihan 3** ialah **latihan teka silang kata mengenai perkataan seerti dan berlawanan**, penulis mendapati markah yang paling tinggi diperolehi oleh pelajar ialah 93 markah iaitu seramai dua orang (4%) sahaja dan 18% (sembilan orang) pelajar yang memperolehi 87 markah.

Bagi markah 83, hanya seorang pelajar (2%) yang mendapat markah tersebut dan sebanyak 14% iaitu seramai tujuh orang pelajar yang mendapat markah 80. Manakala markah 77 pula terdapat seramai lima orang (10%) pelajar yang mendapatnya dan enam orang (12%) pelajar mendapat 73 markah.

Hanya 2% sahaja iaitu seorang pelajar yang masing-masing memperolehi markah 70, 60, 57, 53 dan 40. Di sini terdapat juga dua orang pelajar (4%) yang mendapat 67 markah.

Manakala markah yang rendah yang diperolehi oleh pelajar ialah 47 markah didapati seramai empat orang (8%) pelajar yang memperolehinya, 4% (dua orang) mendapat 43 markah dan seorang (2%) mendapat 40 markah.

Di samping itu terdapat juga pelajar yang sangat lemah di mana mereka mendapat markah sebanyak 33, 23 dan 20 markah sahaja. Di sini penulis mendapati bahawa seramai tiga orang pelajar (6%) memperolehi 33 markah dan tiga orang pelajar (6%) juga memperolehi 20 markah serta seorang pelajar mendapat markah 23 sahaja.

Sebagai kesimpulannya, penulis mendapati sebilangan besar pelajar dapat menjawab soalan ini walaupun ianya susah dan memerlukan kepada penghafalan perbendaharaan kata seerti dan berlawanan. Soalan-soalan ini juga akan dapat membantu pelajar meningkatkan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab.

Untuk memantapkan lagi kajian, penulis telah menjalankan latihan kemahiran menulis (ejaan) atau al imla' kepada pelajar-pelajar tersebut. Ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah kemampuan pelajar dalam menguasai kemahiran menulis. Jadual 4.15 di bawah menunjukkan analisa markah bagi latihan al imla' al manqul dan al imla' al ikhtibari.

JADUAL 4.15

ANALISA KERTAS JAWAPAN PELAJAR

LATIHAN (4) BAHAGIAN A & B

(AL IMLA' AL MANQUL DAN AL IMLA' AL IKHTIBARI)

Bil	Pelajar	Al Imla' al manqul		Al imla' al ikhtibari	
		Markah 50	%	Markah 50	%
1.	Sampel 1	46	92%	25	50%
2.	Sampel 2	48	96%	26	52%
3.	Sampel 3	48	96%	26	52%
4.	Sampel 4	48	96%	25	50%
5.	Sampel 5	50	100%	42	84%
6.	Sampel 6	47	94%	27	54%
7.	Sampel 7	49	98%	17	34%
8.	Sampel 8	43	86%	41	82%
9.	Sampel 9	49	98%	31	62%
10.	Sampel 10	47	94%	32	64%
11.	Sampel 11	49	98%	25	50%
12.	Sampel 12	48	96^	21	42%
13.	Sampel 13	48	96%	39	78%
14.	Sampel 14	48	96%	41	82%
15.	Sampel 15	47	94%	24	48%
16.	Sampel 16	48	96%	30	60%
17.	Sampel 17	50	100%	30	60%
18.	Sampel 18	49	98%	35	70%
19.	Sampel 19	47	94%	41	82%
20.	Sampel 20	50	100%	21	42%
21.	Sampel 21	47	94%	37	74%
22.	Sampel 22	47	94%	36	72%
23.	Sampel 23	49	98%	32	64%
24.	Sampel 24	49	98%	30	60%
25.	Sampel 25	47	94%	44	88%

JADUAL 4.15(Sambungan)

Bil	Pelajar	Al Imla' al manqul		Al imla' al ikhtibari	
		Markah 50	%	Markah 50	%
26.	Sampel 26	48	96%	27	54%
27.	Sampel 27	49	98%	29	58%
28.	Sampel 28	48	96%	40	80%
29.	Sampel 29	48	96%	30	60%
30.	Sampel 30	50	100%	38	76%
31.	Sampel 31	50	100%	38	76%
32.	Sampel 32	49	98%	37	74%
33.	Sampel 33	46	92%	29	58%
34.	Sampel 34	47	94%	37	74%
35.	Sampel 35	47	94%	35	70%
36.	Sampel 36	48	96%	40	80%
37.	Sampel 37	48	96%	40	80%
38.	Sampel 38	49	98%	47	94%
39.	Sampel 39	49	98%	39	78%
40.	Sampel 40	49	98%	30	60%
41.	Sampel 41	47	94%	32	64%
42.	Sampel 42	48	96%	29	58%
43.	Sampel 43	47	94%	18	36%
44.	Sampel 44	49	98%	25	50%
45.	Sampel 45	48	96%	24	48%
46.	Sampel 46	49	98%	38	76%
47.	Sampel 47	49	98%	38	76%
48.	Sampel 48	47	94%	36	72%
49.	Sampel 49	48	96%	32	64%
50.	Sampel 50	49	98%	22	44%

Merujuk kepada jadual analisa di atas, bagi latihan **al imla' al manqul**, penulis mendapati bahawa latihan ini amat disukai oleh pelajar dan pada keseluruhannya mereka memperolehi markah yang tinggi dan memberangsangkan. Ini kerana latihan ini, pelajar hanyalah perlu menyalin semula perkataan-perkataan atau jumlah ayat yang diberikan berpandukan kepada teks yang telah disediakan.

Daripada analisa di atas, didapati seramai lima orang pelajar iaitu 10% yang memperolehi markah yang tertinggi (50 markah) di mana mereka mampu menyalin semula teks dengan betul dan tidak terdapat kesalahan ejaan seperti mana yang telah diberikan. Manakala lima belas orang pelajar pula iaitu 30% yang memperolehi 49 markah dan lima belas orang pelajar juga (30%) yang memperolehi 48 markah.

Bagi markah 47 pula, terdapat seramai dua belas orang pelajar (24%) yang memperolehinya dan hanya dua orang sahaja iaitu 4% yang mendapat 46 markah. Di samping itu terdapat hanya seorang sahaja pelajar (2%) yang mendapat 43 markah. Dengan ini, menunjukkan pada keseluruhannya pelajar berjaya dan mampu menjawab latihan ini.

Dalam latihan **al imla' al ikhtibari** pula, pelajar-pelajar dikehendaki menulis apa yang telah dibaca oleh guru tanpa melihat kepada teks. Pada keseluruhannya, penulis mendapati pelajar kurang mampu membuat latihan ini, tetapi terdapat juga sebilangan kecil pelajar yang mampu menulis dengan baik.

Untuk melihat sejauhmana kemampuan pelajar di dalam latihan ini, penulis telah menganalisa markah yang telah diperolehi oleh pelajar seperti di jadual 4.15 di atas.

Merujuk kepada analisa di atas, bagi setiap markah 47, 44 dan 42 didapati hanya seorang pelajar sahaja iaitu 2% yang memperolehinya. Manakala tiga orang pelajar pula iaitu 6% yang mendapat 41 markah dan tiga orang pelajar juga (6%) mendapat 40 markah di dalam latihan ini.

Bagi markah 39, 36, 35, 27, 24 dan 21 pula, terdapat seramai dua orang pelajar (4%) yang masing-masing memperolehi bagi setiap markah tersebut dan seramai empat orang pelajar (8%), masing-masing memperolehi bagi setiap markah 38, 32 dan 25 markah. Di samping itu juga terdapat tiga orang pelajar (6%) yang mendapat 37 markah.

Manakala 2% sahaja iaitu seorang pelajar yang masing-masing memperolehi bagi setiap markah 31, 22, 18 dan 17. Di samping itu terdapat seramai lima orang pelajar (10%) yang memperolehi 30 markah dan tiga orang lagi mendapat 29 markah.

Sebagai kesimpulannya, penulis mendapati pelajar pada keseluruhannya kurang berkemampuan menjawab latihan ini dengan baik kerana ia memerlukan kepada kecekapan kemahiran mendengar dan menulis.

Hasil daripada kedua-dua ujian al imla' yang telah dijalankan, penulis telah menyenaraikan beberapa kesalahan ejaan yang biasa dilakukan oleh pelajar di dalam latihan tersebut. Bagi latihan al imla' al manqul, tahap pencapaiannya amat baik dan kesalahan ejaannya adalah rendah. Manakala bagi ujian al imla' al ikhtibari pula, banyak kesalahan ejaan yang telah dilakukan oleh pelajar-pelajar. Di antara kesalahan-kesalahan itu ialah;

1. kesalahan yang berkaitan dengan penambahan huruf. Sebagai contohnya ialah;

Ejaan betul	Ejaan salah	Penambahan huruf
يَتَنَاؤِلُ	يتناولو	و
طَالِبٌ	طاليب	ي
يَذْهَبُ	يدھبو	و
النَّوْمٌ	النام	ا
بُرَاجِعٌ	براجيع	ي

2. kekeliruan antara huruf yang hampir sama, sama ada dari segi tempat keluar huruf atau sifatnya seperti contoh di bawah;

Huruf yang terkeliru	Ejaan betul	Ejaan salah
ط - ت	الوطَّنِيَّةُ . الْفَطُورُ	الوتنية الفتور
ت - ط	يَتَنَاهَّلُ	يقطاول
ه - ح	أَسْرَتِيهِ يَنْقَبِيهِ مُحْتَهِدٌ	أسرتع ينبع محتجد
ح - ه	شَرْحٌ	شهره
ط - ة	نَشَاطٌ	نشاة
ك - ق	كُلٌّ يَقُومُ	قل يكروم
ص - س	الصُّبْحَ	السبع
س - ث	يَلْمِسُ	يلبث
ب - ف	مَلَابِسٌ	ملافس
ء - ع	فَيَتَوَضَّأُ	فيتووضع

3. kesalahan menulis alif lam syamsiah seperti;

Ejaan betul	Ejaan salah
الصُّبْحَ بالدَّرَاجَةِ	اصبح بدراجة

4. kesalahan menggugurkan huruf vokal seperti;

Ejaan betul	Ejaan salah	Huruf yang digugurkan
براجعُ	برجع	ا
دُرُوسَةٌ	درسه	و
فِيهَا	فها	ي

5. kesalahan yang melibatkan penyebutan tanwin seperti;

Ejaan betul	Ejaan salah
جَمَاعَةٌ	جمعتان
نَشَاطٌ	نشاطن
بِحَدٍ	بحدن
يَوْمٌ	يورمن

6. pengguguran titik huruf seperti;

Ejaan betul	Ejaan salah
اللُّغَةُ	اللغة
يَذْهَبُ	يدذهب

kesilapan menulis hamzah qata' seperti;

Ejaan betul	Ejaan salah
إلى	الى

8. kesilapan mendengar bunyi huruf atau perkataan seperti;

Ejaan betul	Ejaan salah
بالدَّرَاجَةِ	بالتدراجه
ذُرْوَسَهُ	ضروسه
أَصْلَانِي	يصلی

9. kesalahan menambah huruf yang tidak ada rumah seperti;

Ejaan betul	Ejaan salah
يَتَعَلَّمُ	يتعلّم

4.3 Analisa soalan kemahiran menulis di dalam buku teks "Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu".

Untuk melihat sejauh mana keberkesanan latihan kemahiran menulis bagi pelajar-pelajar tingkatan satu, penulis telah menganalisa bilangan latihan kemahiran menulis dan bentuk-bentuknya yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu.

Jadual 4.16 menunjukkan analisa bilangan soalan kemahiran menulis yang terdapat di dalam buku teks tersebut.

JADUAL 4.16

**ANALISA SOALAN KEMAHIRAN MENULIS DI DALAM BUKU
TEKS BAHASA ARAB KOMUNIKASI TINGKATAN SATU.**

Bil	Unit	Pelajaran				Jumlah
1	1	Pelajaran 1	Pelajaran 2	Pelajaran 3	Pelajaran 4	43
		13	9	10	11	
2	2	Pelajaran 5	Pelajaran 6	Pelajaran 7	Pelajaran 8	38
		10	9	9	10	
3	3	Pelajaran 9	Pelajaran 10	Pelajaran 11	Pelajaran 12	33
		7	6	10	10	
4	4	Pelajaran 13	Pelajaran 14	Pelajaran 15	Pelajaran 16	28
		8	7	5	8	
5	5	Pelajaran 17	Pelajaran 18	Pelajaran 19	Pelajaran 20	18
		6	3	3	6	
Jumlah keseluruhan soalan kemahiran menulis						160

Buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu mengandungi lima unit. Setiap unit ada empat pelajaran dan jumlah keseluruhannya ialah dua puluh pelajaran.

Daripada analisa dalam jadual 4.16, terdapat sebanyak 160 soalan kemahiran menulis di dalam buku teks tersebut. Dalam unit satu, pelajaran pertama mempunyai sebanyak tiga belas latihan kemahiran menulis. Pelajaran kedua mengandungi sebanyak sembilan kemahiran menulis. Pelajaran ketiga ada sepuluh manakala pelajaran keempat ada sebelas kemahiran menulis. Jumlah kesemuanya ialah 43 soalan.

Dalam unit dua, jumlah bilangan soalan kemahiran menulis ialah 38. Pelajaran kelima di dalamnya mengandungi sebanyak sepuluh latihan kemahiran menulis. Pelajaran keenam pula ialah sebanyak sembilan kemahiran menulis. Manakala pelajaran ketujuh ada sembilan dan pelajaran kelapan ada sepuluh kemahiran menulis.

Bagi unit tiga pula, di dalam pelajaran kesembilan terdapat sebanyak tujuh latihan kemahiran menulis dan pelajaran kesepuluh ada sebanyak enam kemahiran menulis. Manakala pelajaran kesebelas dan kedua belas masing-masing mempunyai sepuluh kemahiran menulis. Oleh itu jumlah kesemuanya ialah 33.

Bagi unit empat, pelajaran ketiga belas mempunyai sebanyak lapan latihan kemahiran menulis. Pelajaran keempat belas pula ialah sebanyak tujuh kemahiran menulis. Manakala pelajaran kelima belas ada lima dan pelajaran keenam belas ada lapan kemahiran menulis. Jumlah kesemuanya ialah 28.

Bagi unit lima pula, penulis mendapati bilangan soalan kemahiran menulis semakin berkurangan berbanding dengan unit-unit lain di mana dalam pelajaran ketujuh belas didapati sebanyak enam latihan kemahiran menulis. Pelajaran kelapan belas pula ialah sebanyak tiga kemahiran menulis. Manakala pelajaran kesembilan belas ada tiga dan pelajaran kedua puluh ada enam kemahiran menulis. Oleh itu jumlah keseluruhan bagi unit ini ialah 18 kemahiran menulis sahaja.

Pada keseluruhannya, bilangan soalan kemahiran menulis banyak terdapat di dalam buku teks ini, tetapi cara persembahannya kurang menarik minat pelajar. Arahan soalan terlalu ringkas seperti;

- | | |
|--------------------------|-----------------------|
| (lengkapkan dan tulis) | 1. أكْمِلْ وَأَكْتُبْ |
| (suaikan) | 2. وَفْقْ |
| (jawab) | 3. أَجِبْ |
| (baca dan tulis) | 4. اقْرَأْ وَأَكْتُبْ |
| (baca dan susun) | 5. اقْرَأْ وَرَتِّبْ |
| (suai dan tulis) | 6. وَفْقْ وَأَكْتُبْ |

Arahan-arahan soalan seperti ini kurang jelas bagi pelajar, di mana mereka tidak dapat memahami kehendak soalan yang sebenar dan ianya memerlukan kepada bimbingan guru untuk memahami kehendak arahan soalan tersebut.

Bentuk-bentuk soalan kemahiran menulis yang terdapat di dalam buku teks "Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu" ialah seperti berikut;

- i. menulis jawapan-jawapan kefahaman. Soalan-soalan kefahaman teks diberi berdasarkan kepada teks yang telah dibaca.
- ii. menyesuaikan ayat dengan gambar. Beberapa ayat dan juga gambar yang bersesuaian dengan ayat tersebut diberikan. Pelajar-pelajar dikehendaki menyesuaikan ayat dengan gambar yang betul dan menulis dengan ejaan yang betul.
- iii. mengisi tempat kosong dengan perkataan yang disediakan berdasarkan gambar. Dalam latihan ini pelajar-pelajar dikehendaki mengisi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai berdasarkan gambar yang telah diberikan.
- iv. melengkapkan ayat dengan menambahkan perkataan yang sesuai. Beberapa ayat diberikan tetapi dikosongkan perkataan dan pelajar diminta untuk melengkapkan ayat tersebut dengan menambahkan perkataan yang sesuai.
- v. menyusun perkataan supaya menjadi ayat yang lengkap. Beberapa perkataan diberikan dengan tidak tersusun, pelajar-pelajar dikehendaki untuk menyusun perkataan-perkataan tersebut supaya menjadi ayat yang lengkap dan boleh difahami.

- vi. menyesuaikan di antara dua frasa agar menjadi rangkai kata yang lengkap dan difahami.
- vii. menulis ayat-ayat berdasarkan gambar yang disediakan. Di sini pelajar-pelajar dikehendaki membuat ayat berdasarkan gambar yang diberi.
- viii. menulis nombor-nombor dengan perkataan. Nombor-nombor Arab diberikan mengikut sukatan yang telah dipelajari dan pelajar-pelajar diminta untuk menulis nombor-nombor tersebut dengan perkataan.
- ix. menulis perbualan pendek berdasarkan gambar yang disediakan. Gambar-gambar disediakan dan pelajar-pelajar dikehendaki untuk membuat ayat-ayat pendek berbentuk dialog ringkas.
- x. membentuk ayat-ayat bagi melengkapkan cerita pendek.

Penulis mendapati bentuk-bentuk latihannya berbentuk streotaip dari awal hingga akhir di mana bentuknya lebih kurang sama sahaja, manakala gaya persembahannya juga tidak dipelbaagaikan dan tidak merangsang motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa Arab.

Hakikatnya bentuk-bentuk latihan seperti di atas amat baik untuk pelajar dalam menguasai kemahiran menulis khususnya, namun begitu penulis mendapati ada lagi latihan kemahiran menulis yang sangat penting yang mana tidak terdapat di dalam buku teks tersebut iaitu latihan

penulisan khat (seni kaligrafi Arab). Latihan penulisan khat ini amat penting untuk memahirkan pelajar tentang cara-cara dan bentuk-bentuk penulisan Arab yang betul.